

SOALAN NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

TARIKH: 4 APRIL 2018

SOALAN:

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk membantu pekerja yang berpendapatan lebih RM2000 sebulan agar mereka juga mendapat faedah pemberhentian (*termination benefit*) sama seperti pekerja-pekerja yang dilindungi di bawah Akta Kerja 1955.

PR-1361-L05310

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang melaksanakan semakan undang-undang perburuhan bagi menyesuaikan akta-akta sedia ada termasuklah pindaan ke atas dengan persekitaran pasaran buruh semasa, menambah baik liputan dan perlindungan serta mewujudkan perlindungan sosial yang mencukupi kepada pekerja dan keanjalan kepada majikan dalam menjalankan perniagaan.

2. KSM telah pun mengadakan sesi libat urus (*engagement*) dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan pelbagai pandangan yang bernas untuk diadaptasi dalam peruntukan sedia ada termasuklah cadangan untuk memperluas skop liputan Akta Kerja 1955 kepada yang bergaji di atas RM2000 atau tanpa had. Walau bagaimanapun, cadangan ini tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak berkepentingan.